

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Monday, August 5, 2019 3:33 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: EXCO Persatuan Pelajar Asasi Pengurusan Lafaz Ikrar Pemimpin Pelajar



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

5 OGOS 2019 / 4 ZULHIJAH 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nur Shazwani Shariffudin
Gambar oleh: Pusat Asasi Pengurusan

EXCO PERSATUAN PELAJAR ASASI PENGURUSAN LAFAZ IKRAR PEMIMPIN PELAJAR



UUM ONLINE: Seramai 22 EXCO Persatuan Pelajar Asasi Pengurusan Sesi 2019/2020 telah melafaz ikrar pada Majlis Bacaan Ikrar Pemimpin Pelajar di Dewan Seminar STML, baru-baru ini.

Bacaan ikrar telah diketuai Presiden Persatuan Pelajar Asasi Pengurusan, Muhammad Iman Hanafi Aizam di hadapan Pengarah Pusat Asasi Pengurusan, Prof. Madya Dr. Munif Zariruddin Fikri Nordin dan tenaga pengajar lain.

Dr. Munif Zariruddin dalam ucapannya berkata, beliau berharap semua EXCO yang baharu dilantik itu dapat menjalankan tanggungjawab dengan penuh dedikasi dan amanah.

Menurutnya, pelantikan EXCO baharu itu diharapkan juga dapat membantu pengurusan Pusat Asasi Pengurusan untuk menjayakan aktiviti berimpak tinggi dan merapatkan ukhuwah sesama pelajar dan tenaga pengajar.

"Saya berharap semua pelajar dapat bersama-sama menyertai aktiviti yang dirancang oleh Persatuan Pelajar Asasi Pengurusan sepanjang pengajian satu tahun di Pusat Asasi Pengurusan ini," katanya.

Sementara itu, Muhammad Iman Hanafi berkata, semua EXCO berjanji akan melaksanakan kewajipan yang diamanahkan dan berterima kasih di atas kepercayaan diberi bagi memikul tanggungjawab tersebut.

Pemilihan EXCO dibuat melalui lima (5) fasa iaitu temu duga, pelaksanaan program, pembentangan manifesto, pengundian serta persetujuan panel Pusat Asasi Pengurusan.

Persatuan Pelajar Asasi Pengurusan yang ditubuhkan sejak lima tahun yang lalu bertujuan mengembangkan potensi dan bakat kepimpinan pelajar ke peringkat yang lebih tinggi dalam aspek penganjuran aktiviti sama ada di dalam atau di luar negara.

Sejak penubuhannya, pelbagai aktiviti berimpak tinggi berbentuk akademik, kerohanian, sukan dan kebudayaan telah berjaya dianjurkan serta mendapat liputan akhbar.

Selain itu, daya kreativiti dan inovasi dapat dicungkil dalam kalangan pelajar yang majoritinya adalah pelajar cemerlang dan aktif sejak di bangku sekolah menengah lagi.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.